

# Kolej IACT menggunakan pendekatan unik dalam Komunikasi Massa

Kini, bidang pelajaran yang paling popular dan terbukti kesahihannya di kalangan kolej swasta tempatan adalah bidang Komunikasi Massa.

Di zaman moden ini, kebanyakan remaja berminat untuk melanjutkan pengajian tinggi mereka di dalam jurusan Komunikasi Massa tetapi ramai yang masih tidak pasti sama ada bidang ini menjanjikan masa depan yang cerah. Sejauh manakah kesahihan pendapat tersebut?

Di Kolej IACT, jurusan Komunikasi Massa disampaikan dengan cara yang berlainan, lebih kepada pembelajaran yang unik. Tenaga pengajar di Kolej IACT yang kebanyakannya adalah pelatih daripada industri profesional, akan memberi para pelajar pendedahan yang meluas dalam dunia komunikasi di semester pertama mereka. Keunikan pembelajaran yang akan mereka alami adalah para pelajar akan diberi peluang untuk berurusan dengan pelanggan-pelanggan daripada organisasi korporat sebagai langkah pendedahan kepada dunia pekerjaan yang sebenar.

Daripada pendedahan meluas yang diberi, para pelajar akan berupaya untuk membuat pilihan di dalam memilih jurusan utama mereka sepertiewartawanan, penyiaran, penerbitan, perhubungan awam, komunikasi korporat, pengurusan majlis dan sebagainya.

Tanpa para ibubapa sedari, kelulusan dalam bidang Komunikasi Massa mempunyai banyak cabang yang akan membawa ke pelbagai peluang pekerjaan. Kebanyakan para graduan Ijazah Komunikasi Massa berjaya mendapatkan pekerjaan berprofil tinggi di dalam sektor pemasaran, penyiaran, pengiklanan dan industri media.

Hari ini, semakin ramai menyedari akan kepentingan Komunikasi Massa. Media massa menjadi semakin penting dan meluas jika dibandingkan dengan zaman sebelumnya. Ia juga memainkan peranan yang penting di dalam mempopularkan budaya yang kita lihat hari ini.

Kini, pelbagai rancangan realiti tv yang diterbitkan

dan ini membuka mata para remaja terhadap kuasa dan pengaruh media. Menyedari situasi ini, jurusan Komunikasi Massa kini diambil oleh kebanyakan pelajar sebagai langkah pertama ke dunia glamor.

Pendedahan yang meluas terhadap dunia komunikasi ini akan sedikit sebanyak mempengaruhi para remaja di dalam membuat pilihan terhadap jurusan yang patut mereka pilih di dalam Komunikasi Massa.

Oleh kerana itu, Kolej IACT telah mereka Diploma Komunikasi Massa dengan harapan dapat membantu dan memberi pendedahan yang sepenuhnya kepada para lepasan SPM supaya mereka dapat membuat keputusan yang bijak dalam memilih jurusan.

Kolej IACT merupakan institusi pengajian tinggi yang dibangunkan dan diiktiraf oleh Association of Accredited Advertising Agents Malaysia (4As) dan Malaysian Advertisers' Association (MAA) yang mengkhusus dalam bidang pengiklanan dan komunikasi. Kolej IACT juga diakreditasi oleh International Advertising Association (IAA), New York, sebuah organisasi antarabangsa yang mewakili hak asasi semua pengiklan, agensi dan juga media.

Selain daripada pengajian selama 2.5 tahun untuk Diploma Komunikasi Massa, Kolej IACT juga menawarkan program Diploma Periklanan dan Komunikasi Pemasaran, Diploma Reka Bentuk Grafik, Diploma Kreatif Multimedia, Diploma Penyiaran dan Sijil Komunikasi Massa.

Para graduan dalam kursus diploma akan mempunyai akses untuk menyambung ijazah mereka selama satu hingga satu setengah tahun di universiti – universiti yang bergabung dengan Kolej IACT di Amerika, Australia, United Kingdom dan New Zealand.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kolej IACT dan biasiswa Utusan, sila layari laman web Kolej IACT di [www.iact.edu.my](http://www.iact.edu.my) atau hubungi 03-7926 0211. (Hari terbuka kampus, 27 dan 28 Mac 2010, 10.00 pagi – 4.00 petang)



*Para pelajar akan diberi pendedahan yang meluas dalam dunia komunikasi*



*Di Kolej IACT, para pelajar akan diberi peluang untuk berurusan dengan pelanggan korporat yang sebenar*